
AJARAN (SESAT) HARUN BIN MAT SAAT: ANALISIS AJARAN, PERKEMBANGAN DAN PENGARUHNYA DI KUANTAN, PAHANG

HARUN BIN MAT SAAT'S PREACH (HERESY): TEACHING ANALYSIS, EVOLUTION AND HIS INFLUENCE IN KUANTAN, PAHANG

ⁱKamarudin Salleh, ⁱⁱSharafuddin Zainal Ariffin

ⁱPusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia

ⁱⁱPegawai Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Agama Islam Pahang, Malaysia

*Corresponding Author: Email: dins@ukm.my

ABSTRAK

Ajaran sesat atau ajaran salah adalah suatu ajaran, fahaman atau amalan yang didakwa sebagai ajaran Islam tetapi bukan daripada ajaran Islam yang sebenar. Ia bertentangan dengan sumber perundangan Islam, sama ada daripada Al-Quran, Sunnah, Ijma' atau Qias. Kajian ini mengenai seorang lelaki bernama Harun Bin Mat Saat yang mendakwa dirinya adalah Tuhan 2013 dan mempunyai 312 orang pengikut setia di seluruh Malaysia. Kajian ini juga membincangkan tentang ciri-ciri ajaran yang dibawa oleh Harun Bin Mat Saat di Kuantan, Pahang. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk melihat sejauh mana perkembangan dan pengaruh Harun Bin Mat Saat di Kuantan. Responden yang digunakan dalam kajian ini melibatkan pegawai-pegawai dari Jabatan Agama Islam Pahang serta orang yang ditahan. Dapatan kajian dianalisis, bagi mengenal pasti ajaran yang bertentangan dengan ajaran Islam serta pendekatan yang diambil oleh Jabatan Agama Islam Pahang dalam membanterasnya. Kesimpulannya, kajian diharap dapat memberi sumbangan dalam mendedahkan gerakan dan kegiatan ajaran sesat ini secara khusus dan langkah-langkah pencegahan yang patut diambil secara umum oleh pihak berkuasa agama seperti Jabatan Agama Islam Pahang khususnya Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah dan Bahagian Penyelidikan. Ini penting dalam memartabatkan urusan hal ehwal Islam di Malaysia.

Kata kunci: Ajaran Sesat, Harun Mat Hasan dan 'Tuhan 2013, Ajaran sesat di Pahang and Malaysia, 'Tuhan Harun'

ABSTRACT

Deviant teaching or heresy refer to ideologies, beliefs or practices that are in contrary to real Islamic law or teaching. It's conflicted totally from the main sources of Islamic religion such as Al-Quran, Al-Sunnah, Ijmak (the concensus) and Qiyyas (analogical reasoning). This study focusing on the man, named as Harun

Bin Mat Saat that self proclaimed as “the God of 2013” and he was disseminating his teachings to more than 312 of his avid followers throughout the Malaysia. The research, discuss also the main features and criterias of Harun’s teachings, the development and impact, especially among the folks of Kuantan, Pahang. Among the respondents participating in this research are the officers at the department Islamic Religious Pahang and the individual that JAIP caught. The finding study were analysed some aspects of the ideas to ascertain the contradicting ism and heresy of his teachings. At the same time, this research highlight the methodology that has been used by the Islamic Department to curb the spread of Harun’s teachings. To sum up in brief, the research, hopefully would discover the contribution of JAIP in combatting the movement and deviant teachings in Pahang particularly by taking the suitable steps to tackle this problem mainly the Syariah Law and Research Department. This is very crucial to empower the religious affairs in Malaysia.

Keywords: The Deviant Teachings, Harun Mat Hasan and the 'the God of 2013', The Deviants Teaching in Pahang and Malaysia, 'God of Harun'

PENGENALAN

Sejarah perkembangan manusia dengan penyelewengan dalam ajaran dan fahaman agama memang terus menerus berlaku serta wujud sepanjang perjalanan kehidupan mereka. Ia berpunca daripada pelbagai sebab seperti dorongan hawa nafsu, kedangkalan akal, kecetekan ilmu, hasutan syaitan, mencari kemasyhuran, harta, wanita dan lain-lain lagi. Kesesatan manusia yang berpunca daripada ideologi atau fahaman (isme) amatlah sukar untuk dipulihkan kerana ia tertanam dalam keyakinan dan iktikad seseorang. Jadi kesesatan akidah sewajarnya ditangani lebih awal sebelum ia merebak dan menjadi lebih parah. Kebanyakan kes, usaha untuk memulihkan mereka yang terlibat dengan ajaran sesat amat sukar dan kurang berkesan sekalipun pernah ditempatkan di Pusat Pemulihan Akidah. Buktinya seperti pemimpin dan pengikut Al-Arqam yang diketahui umum. Fahaman sesat ialah fahaman yang bertentangan dengan Islam tetapi ada kaitan dan dinisbahkan kepada Islam. Oleh itu, agama-agama lain tidak termasuk dalam konteks tulisan ini. Agama Kristian yang jelas salah akidah dengan dakwaan bahawa Tuhan mempunyai anak, ternyata suatu agama yang tiada kaitan dengan Islam. Agama Yahudi yang mendakwa bahawa “Uzair ialah anak Tuhan” juga tidak termasuk dalam konteks tulisan ini (Mohammad Nidzam Abdul Kadir, 2012).

Terdapat lebih dari 50 ajaran sesat tersenarai di Malaysia dan antaranya masih bergiat aktif dalam mengembangkan ajaran mereka. Antara contoh ajaran sesat di Malaysia ialah Ajaran Syiah, Ajaran Ahmadia/Qadiani, Ajaran Ayah Pin, Ajaran Bahai, Ajaran Hasan Anak Rimau, Ajaran Haji Kahar (Rasul Melayu), Kumpulan Al-Arqam, Tariqat Naqsyabandiah Kadirun Yahya, Ajaran Haji Ghazali Othman dan sebagainya (Burhanuddin Abd. Jalal [sun.] 1995).

Tulisan ini memaparkan penelitian yang dilakukan ke atas ajaran dan pegangan

yang dibawa oleh Harun Bin Mat Saat yang cuba menyebarkan fahamannya dan telah diambil tindakan oleh Bahagian Penguatkuasaan dan Penyelidikan Jabatan Agama Islam Pahang, Polis Diraja Malaysia serta Jabatan Mufti Negeri Pahang sebagaimana peruntukan dalam Perkara 14, Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam untuk menyekat pengembangan ajaran ini. Harun dituduh di bawah beberapa peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982, iaitu Seksyen 162 mengajar ajaran salah, seksyen 164 mencetak, menerbit, mengedarkan dokumen yang salah dan lain-lain lagi (Bernama 2013).

Biografi Ringkas “Tuhan Harun”

Nama sebenar tokoh dan pengasas ajaran ialah Harun Bin Mat Saat. Beliau lahir pada 8 September 1966 di Raub. Ayahnya bernama Mat Saat bin Haji Ahmad. Manakala ibunya bernama Sainah binti Tembam, seorang bidan kampung. Ayah beliau berasal dari Kelantan manakala ibunya berasal dari Batu Talam, Raub. Ayahnya dikenali sebagai Lebai Saat di Batu Talam. Harun Bin Mat Saat merupakan anak yang ke 8 daripada 9 orang adik-beradik. Beliau tinggal di Kuantan dengan menyewa sebuah rumah di Taman Gambang Damai, Kuantan, Pahang. Harun yang merupakan ketua kumpulan ajaran ini telah diisytiharkan terpesong dan menyeleweng daripada landasan Islam yang sebenar sehingga memberi gelaran kepada dirinya sendiri sebagai “Tuhan Harun”. Harun dulunya pernah digelar sebagai seorang Ustaz Harun ketika tinggal di Batu Talam, Raub dan seorang pengamat perubatan tradisional. Beliau pernah membuka Pusat Rawatan Islam Ar-Redha di Taman Simpang Kalang, Raub. Beliau mengubat pelanggan dengan menggunakan ubat-ubatan yang diproses oleh anak saudaranya yang bernama Farid bin Abdul Rahman. Ubat-ubatan tersebut dihasilkan daripada paku pakis yang hidup pada pokok kelapa sawit, kemudian diproses untuk rebusan dan kapsul.

Beliau mempunyai tiga isteri dan tujuh orang anak kandung serta seorang anak tiri. Isteri pertama beliau bernama Jawahir Binti Zakaria berumur 50 tahun dan merupakan seorang suri rumah tangga sepenuh masa. Beliau berkahwin dengan isterinya itu di Kelantan dan sekarang tinggal di Shah Alam. Isteri kedua beliau bernama Sazlidayu Binti Mokhtarudin berumur 33 tahun dan tidak bekerja. Beliau mengahwini isterinya yang kedua di Slim River, Perak dan sekarang tinggal di Nilai, Negeri Sembilan. Isteri ketiga bernama Azida Binti Mohd Zol berumur 30 tahun dan juga tidak bekerja. Hasil penyelidikan mendapati isteri ketiga iaitu Azida merupakan seorang janda beranak satu dan juga seorang pendidik di salah sebuah sekolah di Terengganu. Isterinya ini telah berhenti kerja setelah berkahwin dengan beliau. Harun telah mengahwini Azida yang berasal dari Kampung Panji, Kuala Terengganu di Thailand (Harun Bin Mat Saat, Temu bual, Mei 2013). Namun, hasil temu bual bersama Pegawai Penyiasat Jabatan Agama Islam Pahang mengesahkan tiada apa-apa bukti menunjukkan mereka berkahwin di Thailand (Mohd Idris Bin Mohd Talib @ Ramli, Temu bual, Mei 2013). Azida juga merupakan salah seorang suspek daripada 31 orang yang ditangkap oleh

Bahagian Penguatkuasaan Syariah Jabatan Agama Islam Pahang pada 4 April 2013. Namun telah menghilangkan diri dan masih dicari oleh pihak Jabatan Agama Islam Pahang setelah tidak hadir ke Mahkamah Rendah Syariah Kuantan pada tarikh yang ditetapkan. Oleh itu satu waran tangkap telah diperoleh oleh Bahagian Penguatkuasaan Syariah Jabatan Agama Islam Pahang dari Mahkamah Rendah Syariah Kuantan bagi menjelaki dan menangkap serta menghadapkannya ke hadapan Hakim Syarie Kuantan. Harun mempunyai 8 orang anak yang terdiri daripada 3 lelaki dan 5 perempuan.

Harun Bin Mat Saat mula belajar di Sekolah Rendah Kebangsaan Batu Talam pada tahun 1973 hingga 1978. Kemudian melanjut pelajaran ke Sekolah Menengah Tengku Kudin, Raub pada tahun 1979 hingga 1983. Seterusnya beliau menyambung pengajian di Sekolah Pondok Lubuk Tapah, Pasir Mas dan yang terakhir di Sekolah Pondok Moden, Yayasan Islam Kelantan, Kandis, Bachok, Kelantan untuk mengambil Sijil Tinggi Agama.

Tamat belajar, Harun mula bekerja sebagai pengedar minyak hitam Petronas di Raub. Kemudian, beliau membuka restoran masakan campur di Taiping Perak. Beliau juga pernah mengajar di beberapa buah sekolah. Antaranya di Sekolah Rendah Islam di Ipoh, Perak, Sekolah Al-Hidayah, Sekolah Sri Iman, Kota Bharu, Kelantan, Sekolah Menengah Sanniah Pasir Puteh, Kelantan. Seterusnya beliau bekerja sebagai Pengawal Keselamatan di Petaling Jaya, Selangor. Seterusnya sebagai Pengetua Sekolah Mualaf di Klang, Selangor. Kemudian, beliau membuka perniagaan konsultan projek iaitu syarikat yang bernama Konsultan Malaysia Sdn. Bhd. Setelah itu, beliau membuka Klinik Rawatan Islam Al-Redha di Duan Sempulit, Raub. Beliau pernah menjadi Penasihat Syarikat Dinar iaitu Syarikat Fan Phoenix Dinar dan pada masa yang sama beliau juga Penasihat Kelab Taqwa Malaysia serta Penasihat Koperasi Taqwa Malaysia. Akhir sekali beliau menjadi komposer.

Beliau juga dikatakan mempunyai keistimewaan perubatan dan pernah memulihkan orang yang lumpuh di rumahnya. Di samping itu, beliau juga pernah mengajar ilmu perubatan kepada seorang pemuda di Batu Talam bernama Muhammad Bin Ibrahim. Pemuda tersebut pernah dikatakan mengubat seorang perempuan yang sakit mental di Kampung New Zealand. Kemudian dia dikahwinkan dengan perempuan itu oleh ayahnya.

Akhir sekali, Harun telah mengasas dan menubuahkan terlalu banyak pertubuhan dan persatuan bersama-sama dengan pengikutnya. Kesemuanya berkONSEPAN untuk Islam sejagat. Setiap pertubuhan yang ditubuhkan adalah dikatakan untuk kehidupan manusia di dunia dan akhirat. Antara objektif pertubuhan itu ialah untuk melahirkan masyarakat yang beriman dan bertakwa, mengeratkan silaturahim antara kaum, meningkatkan kualiti sosial masyarakat dan untuk melahirkan masyarakat yang berdisiplin. Pertubuhan dan perkembangan pertubuhan yang pesat telah mengaut keuntungan terlalu banyak sehingga mencecah berjuta-

juta ringgit. Antara pertubuhan yang ditubuhkan oleh Harun bersama pengikut-pengikutnya ialah Kelab Taqwa Malaysia, Pan Phoenix Dinar, Business Time Dinar, Persatuan Gabungan Kebajikan Ekonomi Rakyat Malaysia (PGKERM), Yayasan Awana, Persatuan Kebajikan Ekonomi Kesenian Malaysia (PKEKM), Kelab Rohani Selangor (KRS) dan Kelab Ihsan Wilayah Persekutuan (KIWP).

Ajaran “Tuhan Harun atau Tuhan 2013”

Tulisan yang ringkas ini dibentangkan tentang ciri-ciri ajaran “Tuhan Harun” atau “Tuhan 2013” untuk pendedahan umum. Harun dikatakan mempunyai seramai 312 orang pengikut setia yang mempercayainya. Pengikutnya terdiri dari berbagai latar belakang sama ada muda atau tua, bekerja atau menganggur, berpendidikan tinggi atau tidak, semuanya diterima dan dijadikan sebagai pengikut ajaran atau penyokong kumpulannya khususnya melalui ceramah dan taklimat program untuk perniagaan. Di Kuantan, lebih kurang seramai 40 orang pengikutnya yang hadir ke kelas beliau tidak kira siang dan malam, di Kampung Pandan dan Bukit Ubi. Beliau juga sering kali menyewa Dewan Seminar Hotel Vistana dan Arabian Hall, Hotel Caribbean Gambang, apabila melibatkan seluruh pengikutnya di Malaysia berkumpul di Kuantan.

Terdapat beberapa ciri-ciri ajaran “Tuhan Harun”. Setiap pengikutnya sanggup melakukan apa sahaja demi menjaga keselamatan ketua mereka termasuklah membunuh. Kenyataan ini boleh dilihat pada kes tembakan dan pembunuhan Pegawai Jabatan Agama Islam Pahang Ahmad Rafli Abdul Malek (Sinar Harian 2013)

1. Ajaran mesti Dirahsiakan

Ciri yang pertama ialah setiap ahli hendaklah berahsia dan tidak dibenarkan sama sekali mendedahkan apa-apa ajaran yang dibawa oleh Harun kepada orang lain kecuali orang tersebut dibawa untuk berjumpa dengan Harun terlebih dahulu. Penyelidik mendapati ciri ini penting bagi menyembunyikan penyelewengan ajaran Harun Bin Mat Saat kepada masyarakat awam dan dalam masa yang sama menjaga keselamatan Harun daripada tindakan pihak berkuasa. Cara dan teknik oleh Harun ini juga digunakan oleh kebanyakan kumpulan ajaran sesat lain. Mereka cuba menyembunyikan ajaran dan fahaman mereka. Hujahnya kerana ilmu dalam ajaran mereka tinggi dan tidak sesuai untuk masyarakat awam. (Mohd Nizam Bin Mohd Salleh, Temu bual, Mei, 2013)

2. Pembentukan Kasih Sayang

Ciri kedua ialah pembentukan kasih sayang antara satu sama lain. Kajian turut mendapati bahawa Harun menggunakan rasional akal untuk memainkan minda dan perasaan pengikut-pengikutnya. Buktinya, apabila diteliti latar belakang ahli kumpulannya, mereka terdiri dalam kalangan yang mengalami masalah seperti

kesempitan kewangan, masalah rumah tangga, masalah anak yang terlibat dengan maksiat, masalah di tempat kerja dan sebagainya. Harun cuba memupuk perasaan kasih sayang dalam jiwa setiap ahli keluarganya sendiri dengan menjadikan isteri dan anak-anaknya turut terlibat dalam kumpulan tersebut. Hasil temu bual membuktikan yang ahli keluarga Harun hidup bahagia dan menyayangi antara satu sama lain.

Harun berjaya menarik hati pengikut-pengikutnya dengan membentukkan nilai-nilai kasih sayang antara satu sama lain. Pembentukan tersebut banyak mengubah persepsi dan akhlak pengikutnya sehingga mereka beranggapan bahawa Harun seorang yang boleh membimbing mereka ke pintu syurga. Sebagai contoh, salah seorang pengikutnya, yang juga seorang bekas guru di Kedah dan ibu kepada 2 anak itu telah berhenti kerja sebagai pendidik kerana mengatakan hidupnya tidak tenang dan aman. Beliau mengatakan bahawa pelajar-pelajarnya tetap rosak akhlak dan penuh dengan maksiat walaupun diajar setiap hari. Setelah berjumpa dengan Harun, beliau mengakui dirinya telah berjumpa dengan seseorang yang boleh membimbing beliau keluar daripada belenggu masalah demikian. Akhirnya, guru itu dan suami serta 2 orang anaknya telah memasuki kumpulan ajaran Tuhan Harun. Sewaktu tangkapan dibuat, mereka berempat berada di tempat kejadian, pada 4hb April 2013 di Kampung Pandan, Kuantan bersama Harun.

3. Penjelmaan Tuhan dalam diri

Ciri ketiga ialah penjelmaan Tuhan dalam diri Harun Bin Mat Saat. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh penyelidik, Harun Bin Mat Saat mengakui dirinya Tuhan dalam beberapa buah dokumen bercetak yang telah dibukukan. Antara buku tersebut ialah *Cerita Tuhan 2013, Bedah Siasat Fizikal dan Spiritual Tuhan, Tuhan Satu Rahsia, Kalam Tuhan, Faktasifik* dan sebagainya. Penulis mengambil satu contoh daripada dokumen buku bertajuk *Faktasifik* yang mana Harun mengatakan Tuhan menjadikan manusia seakan dirinya sebagai penyaksi dan penilai untuk mengatakan benar setiap yang ada pada Tuhan. Harun turut mengatakan Tuhan Maha Sempurna dan menciptakan sesuatu yang sempurna agar dapat melihat dan menilai dirinya yang sempurna. (Harun Mat Saat, 2013, 1)

4. Dakwaan sebagai Imam Mahdi

Ciri keempat ialah dakwaan sebagai Imam Mahdi. Hal ini terbukti setelah kajian meneliti beberapa dokumen-dokumen yang disita mendapati Harun menggunakan banyak istilah pelik-pelik dan gelaran yang tidak masuk akal. Antaranya ialah Imam Mahdi, Pemimpin Akhir Zaman, Ayahanda Beta, Sultan Malala, dan Tuhan Harun. Manakala pengikut-pengikut beliau diberikan gelaran Tentera Mahdi, Tentera Akhir Zaman Timur, Jemaah Hamba Tuhan, Tentera Besi dan Rakyat Malala. Dakwaan dirinya sebagai Imam Mahdi menjadikan pengikut-pengikutnya fanatik merasa takut dengan kedatangan Hari Kiamat kelak. Maka dengan itu, mereka memberikan segala ketaatan terhadap Harun yang dianggap

sebagai Imam Mahdi. (Harun Mat Saat 2013, 14).

5. Pelbagai Dakwaan Pelik

Ciri kelima ialah pelbagai dakwaan pelik. Tulisan ini hanya mengambil dua contoh dakwaan sebagai bukti. Dakwaan ini terdapat dalam sebuah dokumen bertajuk *Faktasifikasi* apabila Harun mendakwa Sungai Pelek adalah tempat pertemuan Tuhan dengan manusia. Dakwaannya lagi, jika Mekah tempat turun wahyu, maka Sungai Pelek tempat turunnya Tuhan dan hanya pengikutnya sahaja yang bertuhan, mengenali Tuhan dan pernah berjumpa dengan Tuhan. (Harun Mat Saat 2013, 4)

Dakwaan kedua ialah Harun mengatakan dirinya menerima pendidikan Ketuhanan secara rasmi iaitu dengan diangkat ke langit oleh Tuhan pada umur 33 tahun. Harun juga mengatakan beliau melawat *lauhilmahfuz* (Luh al-Mahfuz) untuk menyaksikan zat Tuhan dan sekalian penghulu roh dan hakikat. Kemudian dada beliau dibelah untuk penyaksian Rasulullah SAW iaitu Cahaya Nurullah dan menerima pendidikan setiap hari sehingga umur beliau mencecah 44 tahun. (Harun Mat Saat 2013, 1)

6. Keistimewaan dan Kelebihan Melampaui Batas

Ciri keenam ialah keistimewaan dan kelebihan Harun. Hal ini dapat dilihatapabila pengikutnya menyifatkan Harun Bin Mat Saat sebagai “Tuhan Harun” atau Tuhan 2013. Hasil kajian yang dilakukan terhadap barang-barang yang disita seperti dokumen, VCD, laptop dan gambar-gambar, dapatkan menunjukkan Harun ini mempunyai keistimewaan sehingga isteri-isteri pengikutnya, seperti yang terbukti dalam gambar dilihat mencium pipi dan tangan Harun serta berpeluk antara satu sama lain. Malah menurut Pegawai Penyiasat Jabatan Agama Islam Pahang, iaitu Ezar Sarfira Binti Md Zaki mengatakan gambar Harun Bin Mat Saat berada di serata tempat seperti atas meja, dinding, laptop, dalam dompet dan sebagainya semasa serbuan dibuat pada 4 April 2013. Hal ini menunjukkan pengikut-pengikut Harun Bin Mat Saat terlalu taksub dan fanatic terhadapnya. Kata Ezar Sarfira Binti Md Zaki lagi, video-video yang ada di dalam komputer riba mereka yang ditahan tersebut ada tayangan Harun Bin Mat Saat menyanyi lagu berkONSEPAN ketuhanan di dalam sebuah dewan besar dan pengikut- pengikutnya yang terdiri daripada lelaki dan perempuan menari berpusing 360 darjah sambil mengangkat tangan (Ezar Sarfira Binti Md zaki, Temu bual, Jun 2013).

Bagi mengesahkan penyelewengan yang dilakukan oleh Harun, di bawah ini disenaraikan buku-buku teks dan dokumen yang dicetak oleh mereka. Namun tulisan ini tidak berhasrat menganalisisnya secara terperinci. Antaranya;

1. Perbezaan *Commercial and Sentimental Value of God*
2. Seminar Pendidikan Tuhan Malala 2013
3. *University Universal Overhead God*
4. Silibus Pendidikan Dan Pengajaran Maha Graduan Februari 2013

5. Kalam Tuhan
6. Sinopsis *God*
7. Info Rektor
8. Sebelum Tuhan Berada di depan Mata
9. Maha Graduan Masa Hadapan Tuhan
10. Bila Aku Jadi Tuhan
11. Selamat Datang Ke Dunia Tuhan
12. Pusat Latihan Dunia Tuhan Masa Hadapan
13. God Important
14. Tuhan
15. Dunia Tuhan
16. Penterjemahan Tuhan
17. *Body One* Dari Dulu Lagi
18. Makrifat Sufism
19. Sembang Secara Skala Rektor
20. *Owner And Three Twelve*
21. Tamadun Ketuhanan Abad Ke 21
22. Himpunan Segala Cerita Al-Maknun Tuhan
23. Fenomena Bersama Tuhan
24. Faktasifik
25. Bacalah Wahai Kekasihku
26. Rahsia Kejayaan Tuhan
27. Tuhan 2013
28. Kategori Dan Sinopsis 1,2,3 Zat Sifat dan Jasad
29. *God Friends*
30. *Carry And Present*
31. Ketuhanan Dan Kemanusiaan
32. Revolusi Ketuhanan
33. Bedah Siasat Fizikal dan Spiritual Tuhan
34. Sejauhmana Manusia Mampu Menerokai Tuhan
35. Manusia Adalah Teknologi Terbaik Tuhan
36. Tesis “History God” tulisan Dr. Hassan bin Harun (Doktor Maha Graduan Tuhan)

Walaupun buku teks serta dokumen yang dicetak oleh Harun bersama pengikutnya

terlalu banyak, namun penulis hanya mengambil beberapa ciri-ciri yang diajar dalam buku teks dan dokumen tersebut penulis dapati bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar. Ini sesuai dengan penulisan artikel ini yang membincangkan secara asas dan dasar tentang ajaran sesat “Tuhan Harun”.

Penyelidik mengambil salah satu contoh yang ditulis dan dicetak oleh Harun bersama pengikut-pengikutnya iaitu Buku Teks Maha Graduan yang di dalamnya terdapat Takwim Februari 2013. Perkara-perkara yang ditulis oleh Harun Bin Mat Saat pada tarikh 1 Februari 2013 tertulis kenyataan berbunyi:

“Dahulu mustahil bagi kita kenal tuhan, tetapi sekarang ini, tidak mustahil pula bagi kita untuk mengenali zat Tuhan ini kerana kita telah pun mengenali tuhan. Mengenal tuhan adalah titik segala jawapan, mengenal zat adalah titik segala permulaan ke masa hadapan. Tiada rahsia lagi antara kita. Wahai jalur lebar semua, nama aku Harun, pangkat aku Tuhan, zat aku berteknologi.” (Harun Mat Saat 2013, 4).

Pengkaji merujuk kepada pernyataan bertarikh 2 Februari 2013 yang terdapat dalam Takwim Februari 2013 tertulis perkara mengenai “Rahsia Kejayaan Tuhan”. Harun mengatakan bahawa Zat Tuhan terbahagi kepada 3 bentuk iaitu Ilmu (Kebijaksanaan), Kuasa (Pemerintahan), dan Karisma (Kepimpinan). Rahsia Kejayaan Tuhan juga menunjukkan pakej perjalanan Tuhan di langit dan di bumi melalui proses fotosintesis. Proses pertama ialah *Zat-Hayah Qadim* (Hayah Mutlak), proses kedua ialah Sifat (ilmu/kuasa/karisma), proses ketiga ialah Jasad (untuk penzahiran tingkah laku bagi tujuan pengenalan diri kepada manusia) dan proses keempat ialah *Body One* yang menunjukkan perubahan Harun daripada seorang bernama Harun kepada Ustaz Harun, Tengku Harun, Tuhan Harun dan Zat Harun.

Pada 6 Februari 2013 di dalam Takwim Februari 2013, Harun telah memperkenalkan Key Plan Military yang menunjukkan kepada pengikut-pengikutnya siapa diri mereka sebelum ini. Kemudian mereka disucikan sehingga mereka mengenal diri mereka sekarang. Key Plan Military menunjukkan pengikut-pengikut Harun ini adalah mereka yang dalam kehidupannya, melanggar fitrah manusia yang telah ditetapkan oleh Tuhan dengan penuh kejahatan, kesesatan dan kemaksiatan. Oleh itu, Harun memperkenalkan 4 program penyucian diri untuk pengikut-pengikutnya. Antara program yang dilalui oleh pengikut-pengikutnya ialah Revolusi Mental, Training Heart & Mental, Fundamental, New Life, Order Is Power dan Power Is Order sehingga mereka mengenal Tuhan, hidup bersama Tuhan, belajar bersama Tuhan dan berkerjaya dengan Tuhan. Setelah program penyucian diri, mereka akan mengenal diri mereka yang sebenar dan hidup sebagai klon Tuhan.



Pada 7 Februari 2013 dalam Takwim Februari 2013, Harun telah menyatakan bahawa Nabi Muhammad SAW dan para sahabatnya hanya mendapat hidup dalam kebenaran Islam yang diprogramkan oleh Tuhan, sedangkan pengikut-

pengikutnya mendapat hidup dalam kebenaran Tuhan dan lebih sempurna. Hal ini kerana menganggap ia adalah kehendak Tuhan semata-mata dan inginkan mereka menjadi klon Tuhan. Malahan Harun juga menyatakan bahawa Tuhan mentajalikan roh, kemudian disempurnakan pada peringkat jasad sehingga menjadi manusia di muka bumi. Tuhan menzahirkan dirinya dan mengklonkan manusia menjadi seperti dirinya yang dinamakan “Doktorat Tuhan”.

Pada 8 Februari 2013 dalam Takwim Februari 2013, Harun menjelaskan apa itu klon manusia dan klon Tuhan. Harun menyatakan bahawa klon manusia hidup kerana fitrah manusia manakala klon tuhan hidup kerana fitrah tuhan. Klon Tuhan ialah apabila telah bersatunya di antara zat dan roh sehingga menzahirkan klon Tuhan. Kaedah bersatu adalah dengan memuncakkan kedua-dua belah pihak antara zat dan roh, kemudian kandungan zat tersebut ditransformasikan kepada roh hingga terbentuk dan terzahir klon Tuhan. Harun Bin Mat Saat juga mengatakan Tuhan berjaya mengklonkan roh sehingga adanya manusia. Tetapi beliau berjaya mengklonkan manusia seramai 312 orang sehingga menjadi “Doktorat Tuhan”.

Penulis juga menyelidik buku bertajuk *Carry and Present*. Buku tersebut menceritakan tentang Tuhan yang mentajalikan roh daripada zat, dan wujud hubungan pasangan kekasih antara roh dan zat Tuhan sehingga adanya perasaan cinta, kasih dan sayang. Buku tersebut ada menyebut bahawa Tuhan (Harun Bin Mat Saat) muncul untuk membimbang dan memimpin manusia selepas Adam. Tuhan turun ke bumi untuk merealisasikan tujuan tersebut dengan kebijaksanaan dan kekuasaannya sehingga tugas Tuhan kepada manusia selesai dengan mengklonkan manusia yang dinamakan “Doktorat Ketuhanan”.

Pada 14 Februari 2013, sebuah dokumen dalam satu buku bertajuk Penterjemahan Tuhan oleh Harun Bin Mat Saat. Kandungan dokumen tersebut mempunyai 6 kisah tentang Tuhan. Namun penulis hanya mengambil kisah yang ke-6 iaitu mengenai perbezaan antara dunia manusia dengan dunia Tuhan. Harun Bin Mat Saat telah membezakan kedua-duanya seperti di bawah:

KITA DAHULU	KITA SEKARANG
	
Dunia Manusia > <i>Commercial Value</i>	Dunia Tuhan > <i>Sentimental Value</i>
<i>Zero God</i>	<i>Full Soul God</i>
Wujudnya : Kufur / Syirik / Munafik / Zalim / Fasik	Bebas dari: Kufur / Syirik / Munafik / Zalim / Fasik
Dipimpin oleh: Azazil	Dipimpin oleh: Azzawajala
<ul style="list-style-type: none"> • Tuhan → Tidak Wujud • Manusia • Kehidupan } Wujud • Tempat 	<p>Realiti Wujud:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tuhan • Manusia • Kehidupan • Tempat
Penuh dengan PORNLOGI	Penuh dengan KRONOLOGI
Tempat yang Kotor	Tempat yang Suci
Diasaskan dari Barat	Diasaskan dari Timur

Pada 15 Februari 2013, sebuah buku bertajuk "Dunia Tuhan" ditulis oleh Harun Bin Mat Saat kepada pengikutnya. Dokumen tersebut mengatakan selama ini beliau telah mendidik, memimpin dan memelihara hidup pengikutnya. Beliau juga mengatakan cinta dan kasih sayang adalah teras kehidupan mereka di Dunia Tuhan. Beliau turut mengatakan di Dunia Tuhan, tiada kezaliman dan kejahilan, dan bersama-sama merasai nikmat hidup bersama. Akhir sekali, beliau mengatakan kepada pengikut- pengikutnya bahawa dirinya adalah ayah, pemimpin, dan Tuhan mereka.

Penulis berpendapat bahawa teori ini ada campur aduk dan persamaan dengan fahaman Nur Muhammad yang banyak diperdebatkan kebenarannya. Hal ini sama

seperti dalam hadis daif Nur Muhammad yang terkumpul sebanyak 16 ungkapan. Antara ungkapan yang diambil penulis ialah, “Aku bapa segala roh dan Adam bapa manusia”, “Aku bapa segala roh dan Adam bapa jasad”, Aku daripada Allah dan mukminin daripadaku”, “Aku daripada Nur Allah dan sekalian alam”, “Aku daripada Nur Allah dan setiap suatu daripada Aku”. Semua ungkapan ini dihimpunkan daripada manuskrip ajaran sesat dan kitab-kitab Tasawuf oleh Hamzah Fansuri dan Muhammad Nafis al-Banjari. Semua ungkapan ini sudah dikaji dan didapati tidak boleh dianggap sebagai hadis Rasulullah SAW (Lihat buku JAKIM 1998).

Pada 17 Februari 2013 terdapat satu buku yang bertajuk *Universiti Universal Overhead God*. Hasil kajian penulis mendapati bahawa universiti yang dikatakan itu adalah diasaskan oleh Harun. Universiti berkenaan telah memberikan pangkat Kedoktoran kepada semua klon Tuhan dalam bidang *World Of God* iaitu bidang ekonomi, pendidikan, perniagaan, kebudayaan, kesenian, tamadun, pentadbiran, pengurusan, kewangan, perdagangan dan lain-lain lagi.

Harun Bin Mat Saat mengatakan bahawa pangkat Kedoktoran tersebut diberikan oleh Tuhan dan bukan manusia. Penulis juga mendapati Harun mengatakan di dalam dokumen tersebut mengenai ajaran Rasulullah SAW serta para nabi terdahulu itu adalah ilmu pada masa lepas dan agama Islam yang diguna pakai sebagai modul hanya untuk kegunaan di dunia sahaja. Malah beliau mengatakan ajarannya adalah ilmu masa depan dan adalah untuk kegunaan abadi.

Seterusnya dalam satu buku bertajuk *God Important*, penulis tertarik dengan pernyataan Harun iaitu tentang Tuhan menjadi Tuhan berdasarkan kepada 3 perkara iaitu Zat, Tuhan dan Maha. Menurut Harun, kalau Tuhan hanya ada zat, maka belum tentu menjadi Tuhan, memulakan dirinya dengan zat, kemudian disempurnakan di atas dirinya yang bersifat sempurna atau berbentuk sempurna dan zahirlah Mahanya. Maka lengkaplah Tuhan itu di atas zat serta Mahanya dan Tuhan itu barulah boleh menjadi Tuhan. Kata Harun lagi, rupa bentuk Tuhan tiada yang sama sepertinya kerana hanya ada satu sahaja, dan rupa bentuk Tuhan seperti manusia itu adalah dengan mengikut kehendaknya. Penulis juga membuat kajian ke atas satu buku bertajuk *Sinopsis God* dan dalamnya terdapat satu tajuk ‘Tuhan Satu Rahsia’. Menurut Harun dalam buku tersebut, adalah mustahil manusia boleh mengenali Tuhan, kerana manusia itu penuh dengan noda dan dosa, manusia sendiri tidak pernah ingin dalam hidupnya untuk mengenali Tuhan. Katanya lagi, beruntung kepada ahli pengikutnya kerana dipilih oleh Tuhan melalui program yang diatur oleh Tuhan iaitu Harun.

Kalam Tuhan (kata-kata Tuhan) merupakan salah satu dokumen yang dikaji oleh penulis. Hasil kajian yang diperoleh mendapati dokumen tersebut ditulis oleh Harun untuk pengikut-pengikutnya. Harun mengatakan bahawa dia dan pengikutnya sekarang telah hidup seperti Tuhan. Beliau juga mengatakan dirinya serta pengikutnya dijadikan sebagai Tuhan dan hidup di dunia Tuhan kerana Tuhan tidak ingin melihat kerosakan yang manusia buat dengan melanggar Larangan Arahan Tuhan seperti yang dilakukan oleh Adam dan Hawa.

Faktasifik terbitan Istana Ilmu, merupakan salah sebuah buku yang dikarang oleh Harun. Penulis hanya mengambil beberapa petikan soalan dan jawapan yang dikemukakan oleh Harun terhadap pengikut-pengikutnya untuk dikongsi bersama di sini. Antaranya ialah kenapa Tuhan menjadikan manusia seakan dirinya, seperti yang pernah disebut sebelum ini, Harun menjawab sekiranya Tuhan tidak cipta manusia seakan dirinya, yang mana manusia adalah penyaksi dan penilai diri Tuhan dari awal hingga akhir, maka sudah tentu sia-sia Tuhan mengakui dirinya Tuhan. Tuhan mencipta manusia seakan dirinya untuk mengatakan benar setiap yang ada pada Tuhan. Tuhan Maha Sempurna mencipta sesuatu yang sempurna agar dapat melihat dan menilai dirinya yang sempurna. Dalam buku Fakasifik juga, penulis mendapati Harun mengatakan Sungai Pelek adalah tempat pertama pertemuan Tuhan dengan manusia. Katanya jika Mekah tempat pertama turunnya wahyu, maka Sungai Pelek tempat pertama turunnya Tuhan. Katanya lagi, hanya pengikut-pengikutnya sahaja yang bertuhan mengenali dan pernah berjumpa dengan Tuhan.

Selain buku-buku ringkas yang dicetak dan diterbitkan oleh Harun bersama pengikut-pengikutnya, beliau juga menyampaikan ajarannya dengan menyumbangkan lagu-lagu berkonsepkan ketuhanan dan kerohanian. Lagu-lagu yang diciptakan oleh beliau bukan sahaja dinyanyi oleh beliau malah penyanyi-penyanyi terkenal di tanah air ini. Beliau juga mengakui bahawa beliau memiliki studio rakaman sendiri di Kuala Lumpur serta telah menggubah hampir 300 buah lagu ketuhanan yang pernah didendangkan oleh Yantzen, Razak Ahmad, Ezam Akar, Sham Barongan dan Rahmat Mega. Beliau menggunakan nama Karya Hadani yang ditubuhkan pada September 2007. Lagu-lagu yang sebelum ini hanya cinta pada seseorang digubahkan kepada cinta kepada Tuhan dan hidup untuk Tuhan. Lagu-lagu tersebut dimuatkan ke dalam VCD dan CD audio untuk diperdengarkan kepada pengikut-pengikutnya serta orang awam. Antara lagu-lagu berkonsepkan ketuhanan dan kerohanian yang dimuatkan dalam VCD dan CD audio ialah Air Mata Kasih, Keinsafan, Kaulah Yang Pertama, Zat Ilahi, Suara, Keindahan Cinta Suci, Semangat Juang Seorang Isteri, Cinta Ilahi, Kaulah Pujaan, Pesanan Untuk Ibu, Kasih Suci dan lain-lain.

Penulis dalam kajian ini hanya mengambil beberapa penemuan yang besar dan utama tentang kesalahan dan penyelewengannya sahaja, sekali pun masih banyak bahan-bahan yang boleh dibentangkan sebagai maklumat mendalam menyentuh kajian terhadap Tuhan Harun ini.

PENUTUP

Sebagai rumusan, setelah dilakukan penelitian dan analisis terhadap ajaran “Tuhan Harun” ini, terdapat banyak perkara yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak terutamanya masyarakat awam supaya tidak mudah terpengaruh dengan bentuk ajaran dan amalan yang bersifat pelik, rahsia, dakwaan-dakwaan yang tidak masuk akal, ganjaran yang luar biasa dan pengampunan di tangan guru dan lain-lain lagi yang sering dikaitkan dengan ajaran sesat. Namun kadang-kadang ajaran

begini cuba menyandarkan sifat dan pengalaman mereka dengan kedudukan dan sifat tertentu dalam *tariqat tasawwuf* seperti *maqam* dan *hal* sehingga boleh mengelirukan orang-orang yang jahil dan dangkal ilmu agama.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Fatah Haron Ibrahim. 2007. *Kajian Ajaran Sesat*. Bangi: Pusat Pengajian Jarak Jauh, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Harun Bin Mat Saat. 2013. *Tuhan 2013*. Kuantan : Terbitan Istana Ilmu
- Harun Bin Mat Saat. 2013. *Tamadun Ketuhanan Abad Ke 21*. Kuantan : Terbitan Istana Ilmu.
- Harun Bin Mat Saat. 2013. *Faktasifik*. Kuantan : Terbitan Istana Ilmu.
- Harun Bin Mat Saat. 2013. *Buku Teks Maha Graduan*. Kuantan: Terbitan Istana Ilmu.
- JAKIM. 1998. *Mengenal Hadith Maudhu'*. Kuala Lumpur: JAKIM
- Mohammad Nidzam Abdul Kadir. 2012. *40 Ciri Ajaran Sesat*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Ahmad Raffli Bin Ab Malek. 2013. Kuantan: Jabatan Agama Islam Pahang. Temu bual.
- Badli Shah Bin Alaudin. 2013. Pekan: Jabatan Agama Islam Pahang. Temu bual. 20 Mei
- Ezar Sarfira Binti Md Zaki. 2013. Kuantan: Jabatan Agama Islam Pahang. Temubual.16 April
- Harun Bin Mat Saat. 2013. Kuantan: Pengasas Ajaran Harun Bin Mat Saat @ Tuhan 2013. Temu bual. 20 Februari
- Mohd Idris Bin Abdul Talib @ Ramli. 2013. Raub: Pejabat Agama Islam Daerah Raub. Temu bual. 8 Julai
- Mohd Hafidz Bin Mohd Suhail. 2013. Kuantan: Pejabat Agama Islam Daerah Kuantan. Temu bual. 20 Mei
- Muhammad Nur Sollehin Bin Johari. 2013. Pekan: Jabatan Agama Islam Pahang. Temubual. 5 April
- Mohd Nizam Bin Mohd Salleh. 2013. Kuantan: Pengikut Kanan Kumpulan Ajaran Harun Bin Mat Saat @ Tuhan 2013. Temu bual. 4 Jun
- Muhammad Zuhaili Saiman. 2012. *Akidah Akhir Zaman*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Zakaria Stapa. 2003. *Tasawwuf Perbandingan*. Bangi: Pusat Pengajian Jarak Jauh, Universiti Kebangsaan Malaysia.